

## Unsur al-Badī<sup>c</sup> dalam Puisi al-Munfarījah Karya Ibn al-Naḥwī

*Al-Badī<sup>c</sup> Elements in the Poetry of al-Munfarījah by Ibn al-Naḥwī*

Muhammad Zulfadhli Zakaria\* Md Nor Abdullah

*Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara (PUTERA), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor*

\*Corresponding author: [fadhramlhuury@siswa.ukm.edu.my](mailto:fadhramlhuury@siswa.ukm.edu.my)

---

### Article history

Received: 2017-11-22    Received in revised form: 2019-02-15    Accepted: 2019-05-01    Published online: 2019-06-30

### Abstract

The poetry of al-Munfarījah by Ibn al-Naḥwī is an Islamic poem-themed; sufism. This medieval poem received an encouraging response from the sufis and litterateurs. Besides quality content, the benefits of an Arabic poem are judged based on the usage of good language, high imagination, unique phonetics and alphabetical sound, and aesthetics. This values are based on the Arabic rhetoric. Hence, this article aims to examine the application of al-Badī elements which is a part of the Arabic rhetoric in al-Munfarījah poetry. This is a qualitative study that involves content analysis. General meaning was given to the selected verse. Thematic and deductive approaches are applied in data analysis. The study found that the application of al-Badī elements involved both al-Muḥassināt al-Maḥawīyah and al-Muḥassināt al-Lafẓīyah. This article focuses only on three elements from each parts. The application of six elements is sufficient to illustrate the holistic semantics and aesthetics of poetry. This research reveals that the writer has an excellent level of al-Tharwah al-Lughawīyah in his poetry. Despite the language aspect mentioned, a significant influence of tasawuf is also deployed. This proves the privilege and uniqueness that adds value to al-Munfarījah poetry.

Keywords: Stylistic, Rhetoric, al-Badī<sup>c</sup>, al-Munfarījah, Ibn al-Naḥwī

### Abstrak

Puisi *al-Munfarījah* karya Ibn al-Naḥwī adalah sebuah puisi Islamik bertemakan kesufian. Puisi yang disusun pada zaman pertengahan Islam ini mendapat sambutan yang menggalakkan khususnya daripada kalangan ulama tasawuf dan sasterawan. Selain daripada kandungan yang berkualiti, keistimewaan sesuatu puisi Arab dinilai berdasarkan penggunaan laras bahasa yang baik, imaginasi yang tinggi, keunikan bunyi suara huruf dan rima akhir, serta estetikanya. Nilai tambah tersebut dikesan berpandukan ilmu *al-Balāghah*. Justeru, makalah ini bertujuan mengkaji penerapan unsur *al-Badī<sup>c</sup>* yang merupakan salah satu komponen *al-Balāghah* dalam puisi *al-Munfarījah*. Kajian ini berbentuk kualitatif melibatkan analisis kandungan. Bait terpilih diberikan makna secara umum. Seterusnya, pendekatan tematik dan deduktif diaplikasi sebagai wahana dalam penganalisisan data. Kajian mendapati pengaplikasian unsur *al-Badī<sup>c</sup>* adalah melibatkan kedua-dua bahagiannya, iaitu *al-Muḥassināt al-Maḥawīyah* dan *al-Muḥassināt al-Lafẓīyah*. Makalah ini hanya memfokuskan kepada tiga unsur sahaja daripada setiap bahagian. Penerapan enam unsur tersebut telah memadai untuk memaparkan keindahan semantik dan estetika keseluruhan puisi. Dapatan kajian membuktikan keindahan bahasa dan kekayaan *al-Tharwah al-Lughawīyah* yang dimiliki pemuisi. Di samping aspek bahasa, nilai tasawuf yang diterapkan amat signifikan dan mempunyai pengaruh yang besar. Keistimewaan dan keunikan ini memberi nilai tambah kepada puisi *al-Munfarījah*.

*Kata kunci:* Gaya Bahasa, Retorik, *al-Badī<sup>c</sup>*, *al-Munfarījah*, Ibn al-Naḥwī

## 1.0 PENGENALAN

Makalah ini membincangkan beberapa penerapan unsur *al-Badi<sup>c</sup>* dalam puisi *al-Munfarijah* susunan Ibn al-Nahwī, seorang ahli sufi terkemuka pada zaman pertengahan Islam (al-Baṣrawī 1040H; Ḍiyāb 1420H/1999M; al-Anṣārī 1434H/2013M). *Al-Munfarijah* adalah sebuah puisi Islamik bertemakan kesufian. Puisi yang disusun pada zaman pertengahan Islam ini mendapat sambutan yang menggalakkan khususnya daripada kalangan ulama tasawuf dan sasterawan (al-ʿAbdarī t.th.; al-Ghabrīnī t.th.; Ḥājī Khalīfa t.th.; Laṣḥab t.th.: 6; al-Tamsmānī t.th.: 290; al-Tanbaktī t.th.; Ḍiyāb 1420H/1999M; al-ʿAbdīnī 2008). Mereka telah mengolah puisi ini dalam bentuk ulasan dan juga *takhmīs*. Pengolahan puisi berperanan mengembangkan pemikiran penyusun asal. *Al-Takhmīs*, juga disebut sebagai *al-Tadmin* ialah sejenis puisi Arab yang muncul pada zaman *Mamālik* (Hassan Zikrī 1432H/2011M: 127). Ia bermaksud pengolahan oleh pemuisi dengan mengarang empat *shaṭr* yang terbit dari buah fikiran dan keseniannya sendiri berpandukan *shaṭr* yang kelima yang berasal daripada contoh puisi milik pemuisi terdahulu (Ishak Mohd. Rejab et al. 1996: 65). Antara olahan yang berjaya ditemui adalah karya ulasan susunan al-Baṣrawī (1040H) dan al-Anṣārī (1434H/2013M). Dua ulama ini telah mengulas dan mensyarahkan bait-bait *al-Munfarijah* daripada beberapa aspek seperti semantik, bahasa, hukum-hakam, hikmah, dan sebagainya.

Sebuah puisi yang berkualiti sememangnya mempunyai kandungan yang bernas. Laras bahasa, imaginasi, bunyi suara huruf, aspek fonetik, dan rima akhir memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam menyumbang kepada keistimewaan, estetika, dan mutu sesuatu puisi. Nilai tambah tersebut dapat dikesan melalui beberapa disiplin ilmu antaranya *al-Balāghab*. Ilmu *al-Balāghab* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *al-Maʿānī*, *al-Bayān*, dan *al-Badi<sup>c</sup>*. Setiap bahagian atau aspek *al-Balāghab* tersebut mempunyai cakupan dan kepentingannya tersendiri.

*Al-Badi<sup>c</sup>* ialah sebuah komponen ilmu *al-Balāghab* yang membincangkan cara memperindah ungkapan dengan mengambil kira situasi dan kejelasan makna. Untuk mendapatkan status yang jelas mengenai keindahan ungkapan *al-Munfarijah*, penggunaan unsur *al-Badi<sup>c</sup>* wajar diteliti kerana kesannya yang signifikan terhadap sesuatu karya sastera berbentuk puisi. Justeru, kajian ini mengetengahkan penggunaan beberapa unsur *al-Badi<sup>c</sup>* dalam *al-Munfarijah* bertujuan mengesan keindahan ungkapannya. Hanya tiga unsur dominan daripada kedua-dua bahagian *al-Badi<sup>c</sup>*, iaitu *al-Muḥassināt al-Maʿnawiyah* dan *al-Muḥassināt al-Lafziyyah* diteliti. Bagi *al-Muḥassināt al-Maʿnawiyah*, kajian meneliti unsur *al-Tibāq*, *al-Muqābalah*, dan *al-Jamʿ maʿa al-Tafriq*. Manakala bagi *al-Muḥassināt al-Lafziyyah* pula kajian meneliti unsur *al-Jinās al-Tām*, *al-Jinās al-Muḥarrar*, dan *Radd al-ʿAjzʿalā al-Ṣadr*. Sumber utama kajian ini adalah karya al-Anṣārī (1434H/2013M) kerana karya beliau lebih masyhur dan mendapat pelbagai suntingan berbanding karya lain.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif melibatkan analisis kandungan bait puisi *al-Munfarijah*. Beberapa bait yang berkaitan dipilih dan diberikan makna secara umum. Seterusnya, kajian memanfaatkan pendekatan tematik dan deduktif dalam berinteraksi dengan data kajian. Memandangkan *al-Badi<sup>c</sup>* merupakan sebuah disiplin ilmu, maka kajian ini memerlukan pendekatan tertentu untuk memastikan supaya perjalanannya terpandu dan tepat. Justeru, pendekatan yang disusun al-Qazwīnī melalui *Al-Īdāh fī Ulūm al-Balāghab* (1430H/2009M) menjadi pilihan kajian. Hal ini demikian kerana karya al-Qazwīnī adalah yang terawal berjaya menghimpunkan *al-Balāghab*

sebagai gagasan disiplin ilmu yang tersusun dan terkandung di bawahnya tiga komponen secara berasingan. Perbincangan *al-Badi<sup>c</sup>* yang merupakan komponen ketiga dibawa secara tersusun dan lengkap berbanding karya sebelumnya.

## 2.0 KONSEP ILMU *AL-BADI<sup>c</sup>*

### 2.1 Pengertian *al-Badi<sup>c</sup>* dan Perkembangannya Bermula daripada Awal Pembentukan Sehingga *al-Qazwīnī*

Ibn al-Manzūr (1401H/1981M: Jil. 3: 299-231) merumuskan bahawa *al-Badi<sup>c</sup>* daripada sudut bahasa bermaksud *mencipta* dan *mewujudkan sesuatu tanpa berpandukan contoh atau model tertentu*. Penggunaannya adalah sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah s.w.t. (*al-Qur'an: al-Baqarah* 2: 117):

بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُن فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾

Maksudnya:

Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila Ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" Lalu menjadilah ia <sup>1</sup> (TPR 2002: 45).

Maka pengertian *Badi<sup>c</sup> al-samāwāt wa al-ard* ialah Allah s.w.t. jualah yang mencipta dan mewujudkan langit dan bumi tanpa berpandukan kepada model tertentu.

Ibn al-Manzūr memperincikan lagi, *al-Badi<sup>c</sup>* berasal daripada pola kata *بَدَعٌ - يَدْعُ - بَدَعٌ* - *وَابْتَدَعَهُ: أَنْشَأَهُ وَبَدَأَهُ*, *al-Badi<sup>c</sup>* juga merupakan salah satu nama Allah s.w.t. lantaran penciptaannya bagi sekalian makhluk dan Allah s.w.t. pencipta yang paling awal (pencipta yang bersifat *ḥaqīqī*) sebelum yang lainnya (pencipta yang bersifat *majāzī*). Selain itu, *al-Badi<sup>c</sup>* juga bermaksud benda yang baharu (Ibn al-Manzūr 1401H/1981M: Jil. 3: 299-231). *Rakīyy badi<sup>c</sup>* (perigi yang baharu) bermaksud *ḥadīth al-ḥafr* (proses penggalian). *al-Badi<sup>c</sup>* dan *al-Bid<sup>c</sup>* bermaksud suatu benda yang paling awal terbentuk. Perkataan *al-Badi<sup>c</sup>* daripada sudut bahasa datang dalam pengertian *ism al-fāʿil* (kata nama pelaku) dan juga *ism al-mafʿūl* (partisipel pasif) kerana merupakan pola kata *faʿʿil* (فَعِيل). *Taṣrīfnya* adalah seperti berikut: *بَدَعَهُ: بَدَعُهُ بَدْعًا: أَنْشَأَهُ عَلَىٰ غَيْرِ مِثَالٍ سَابِقٍ، فَهُوَ بَدِيعٌ. وَأَبْدَعَ الشَّيْءَ: أَنْشَأَهُ عَلَىٰ غَيْرِ مِثَالٍ*.

Jika diteliti dalam kamus bahasa, pengertian *al-Badi<sup>c</sup>* daripada sudut bahasa berlegar sekitar makna *al-jadīd* (sesuatu yang baharu), *al-muḥdath* (sesuatu yang baharu dijadikan dan yang dicipta), *al-mukhtara<sup>c</sup>* (rekaan, ciptaan, dan inovasi), dan *al-inshāʾ* (penciptaan) (al-Zabīdī 1385H/1965M; al-Jawhārī 1990; al-Fīrūz Ābādī 1426H/2000M).

Daripada sudut istilah pula, *al-Badi'* adalah suatu istilah ilmu *al-Balaghah* yang mendapat pelbagai pendefinisian yang agak berbeza dan anjal daripada para ulama. Berdasarkan pengertian *al-Badi'* daripada sudut bahasa, Ibn al-Manzūr (1401H/1981M: Jil. 3: 231) membuat kesimpulan bahawa penggunaan *al-Badi'* dalam disiplin *al-Balaghah* merujuk kepada suatu ilmu yang melaluinya dapat diketahui cara memperindahkan perkataan dalam percakapan. Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab (Ishak Mohd. Rejab et al. 1996: 126) turut mendefinisikan *al-Badi'* sebagai suatu disiplin ilmu yang membincangkan cara memperindah ungkapan dengan mengambil kira situasi dan kejelasan makna. Justeru, ilmu *al-Badi'* berfungsi sebagai pelengkap kepada gagasan disiplin ilmu *al-Balaghah* yang luas. Namun, bagi mendapatkan pengertian yang jelas dan jitu tentang ilmu ini, sejarah perkembangan *al-Balaghah* secara ringkas perlu dijelaskan.

Ilmu *al-Balaghah* pada peringkat awal dan asasnya terdiri daripada dua komponen utama iaitu *al-Ma'āni* dan *al-Bayān* disempurnakan serta diserikan lagi dengan pengaplikasian *al-Badi'*. Walaupun kedudukan *al-Badi'* turut menjadi pertikaian dalam kalangan ulama dan cendekiawan yang saling berbeza pandangan dalam menyusun gagasan disiplin *al-Balaghah*, namun kebanyakan mereka menerima dan menyenaraikan *al-Badi'* sebagai satu komponen utama *al-Balaghah* sejajar dengan *al-Ma'āni* dan *al-Bayān*. Sebahagian ulama lagi menganggap *al-Badi'* hanyalah berfungsi sebagai penghias dan tiada keperluan untuk disenaraikan di bawah gagasan utama disiplin ilmu *al-Balaghah* (Aḥmad Ibrāhīm Mūsā 1388H/1969M; al-Marāghī 1420H/2000M: 379).

Individu pertama yang menggunakan perkataan *al-Badi'* dalam perbincangan *al-Balaghah* ialah Abū 'Uthmān 'Amr ibn Bahr ibn Maḥbūb al-Kinānī al-Jāḥiẓ (150H-255H) menerusi karyanya *al-Bayān wa al-Tabayn* (Ibrahim Salamah 1371H/1952M: 86; 'Ā'ishah Ḥussayn Farīd 2000). Namun, beliau tidak membuat sebarang pendefinisian ilmiah mahupun istilah bagi perkataan *al-Badi'*. Beliau juga tidak menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai pembahagian *al-Muḥassināt al-Lafẓiyyah* (pengindah lafaz) dan *al-Muḥassināt al-Ma'naviyyah* (pengindah makna) yang terkandung di bawah perbincangan *al-Badi'* serta tidak membuat sebarang prinsip atau dasar bagi ilmu ini. Al-Jāḥiẓ hanya mendatangkan contoh dan pengaplikasian unsur *al-Badi'*.

Antara contoh penyebutan *al-Badi'* dalam *al-Bayān wa al-Tabayn* adalah seperti kata-kata al-Jāḥiẓ (1418H/1998M) dalam menjelaskan aliran yang dibawa oleh para penyair *al-Muḥdathūn*:

ومن الخطباء الشعراء ممن كان يجمع الخطابة والشعر الجيد والرسائل الفاخرة مع البيان الحسن: كلثوم بن عمرو العتائبي وكنيته أبو عمرو، وعلى أفاضله وحذوه ومثاله في البديع يقول جميع من يتكلف مثل ذلك من الشعراء المؤلدين، كنحو منصور النمرى، ومسلم بن الوليد الأنصاري وأشباههما. وكان العتائبي يحتذي حذو بشار في البديع، ولم يكن أصوب بديعاً من بشار وابن هزم.

Individu pertama berjaya dikesan dalam sejarah keilmuan Islam yang membuat penulisan khusus dalam ilmu *al-Badi'* ialah Abū al-'Abbās 'Abdullāh ibn al-Mu'taz ibn al-Mutawakkil (247-296H), salah seorang khalifah kerajaan 'Abbāsīyah (Muhammad Muḥyī al-Dīn 1356H/1938M: 10; al-Marāghī 1420H/2000M: 9; Azhar Muhammad 2008: 14-15). Penulisan khusus mengenai disiplin *al-Badi'*

disempurnakan melalui karya beliau berjudul *Al-Badī'ī* pada tahun 274H (Ibn al-Mu'taz 1433H/2012M). Beliau memperkembangkan perbincangan ilmu *al-Badī'ī* yang dimulakan oleh al-Jāhiz melalui pengklasifikasian *al-Badī'ī* kepada dua bahagian iaitu: i. *Al-Badī'ī* dan ii. *Mahāsīn al-Kalām*.

*Al-Badī'ī* pada pandangan Ibn al-Mu'taz merupakan perbincangan yang penting dan terbesar dalam ilmu *al-Badī'ī* (الأصول الكبرى للبدیع). Bahagian ini meliputi lima unsur, iaitu:

- i. al-Isti'ārah
- ii. al-Tajnīs
- iii. al-Muṭābaqah
- iv. Radd A ṣ̣jāz al-Kalam 'alā mā Taqaddamahā
- v. al-Madhāhib al-Kalāmī.

*Mahāsīn al-Kalām* pula berfungsi sebagai pelengkap dan unsur sampingan. Ibn al-Mu'taz mengumpulkan sebanyak lima belas unsur dalam bahagian ini. Unsur tersebut ialah:

- i. al-Iltifāt
- ii. al-I'tirād
- iii. al-Rujū'
- iv. Ḥusn al-Khurūj Min Ma'nā Ilā Ma'nā (Abū Tammām menamakannya sebagai al-Istiṭrād)
- v. Ta'kīd al-Madhī bi mā Yushbih al-Dhamm
- vi. *Tajābul al-ʿArif* (ulama kontemporari menamakannya sebagai *al-Tashkīk*)
- vii. Hazal Yurād bih al-Jidd
- viii. Ḥusn al-Taḍmīn
- ix. al-Ta'arīḍ
- x. al-Kināyah
- xi. al-Ifrāṭ fī al-Ṣifāh (dinamakan juga sebagai al-Mubālaghah)
- xii. Ḥusn al-Tashbīh
- xiii. I'nāt al-Shā'ir Nafsahū fī al-Qawāfī
- xiv. Takalluf al-Shā'ir min Dhālika ma laysa lah (ulama kontemporari menamakannya sebagai  
Luzūm mā lā yulzim)
- xv. Ḥusn al-Ibtidā'āt

Berdasarkan penyenaian tersebut, Ibn al-Muʿtaz telah berjaya mengumpul sebanyak dua puluh unsur *al-Badiʿ*. Namun, berdasarkan penelitian definisi sebenar *al-Badiʿ* daripada sudut istilah, beliau hanya berjaya mengumpul sebanyak tujuh belas unsur *al-Badiʿ* (al-Marāghī 1420H/2000M: 9). Meskipun begitu, beliau telah nyatakan bahawa bahagian *Mahāsīn al-Kalām* tidak bertumpu kepada penyenaian beliau sahaja, malah jumlahnya jauh lebih banyak dan tidak patut bagi sesiapa pun untuk mendakwa berkemampuan menguasai dan menghimpunkan kesemuanya (Ibn al-Muʿtaz 1935). Ibn al-Muʿtaz seolah-olah menggabungkan perbincangan ilmu *al-Bayān* ke dalam ilmu *al-Badiʿ* apabila memasukkan perbincangan tentang *al-Istīʿārah*, *al-Kināyah*, dan *Ḥusn al-Tashbīh* di bawah unsur *al-Badiʿ*. Oleh kerana *Al-Badiʿ*, juga dikenali sebagai *Kitāb al-Badiʿ* dan *Al-Badiʿ fī al-Badiʿ* merupakan karya terawal berjaya ditemui membincangkan ilmu *al-Badiʿ*, maka sesuaiilah Ibn al-Muʿtaz dianggap sebagai pelopor dan pencipta disiplin ilmu *al-Badiʿ*.

Ilmu *al-Badiʿ* seterusnya melalui fasa perkembangan yang panjang sejajar dengan fasa perkembangan ilmu *al-Balāghah*. Antara ulama yang meneruskan perkembangan ilmu ini ialah Qudāmah ibn Jaʿfar (w 337H), Abū Hilāl al-Ḥasan ibn ʿAbdullāh al-ʿAskarī (w 395H), al-Bāqillānī (w 403H), al-Ḥasan ibn Rashīq al-Qayrawānī (w 463H), ʿAbd al-Qāhir al-Jurjānī (w 471H), Majd al-Dīn Muʿayyid al-Dawlah Usāmah ibn Murshid ibn al-Munqidh (w 584H) melalui karyanya *Al-Tafrīʿ fī al-Badiʿ*, Abū Yaʿqūb Yūsuf ibn Abī Bakr al-Sakkākī (w 626H), Badr al-Dīn ibn Mālik (w 686H), dan Muḥammad ibn ʿAbd al-Raḥmān al-Khaṭīb al-Qazwīnī (w 739H).

Pemisahan antara disiplin ilmu mula berlaku dalam kalangan ulama. Penulisan ilmu *al-Balāghah* seterusnya berkembang dalam skop disiplinnya tersendiri. Karya al-Jurjānī (1404H/1984M; 1412H/1991M), *Dalāʾil al-Iʿjāz* dan *Asrār al-Balāghah* dianggap sebagai magnum opus dalam disiplin *al-Balāghah* (Md Nor 2014). Walaupun begitu, masih terdapat kekurangan daripada sudut penyusunan dan pembahagian unsur dan item. Al-Jurjānī hanya memasukkan beberapa unsur *al-Badiʿ* sahaja dalam kitab *Asrār al-Balāghah* dan masih mengekalkan perbincangannya bersama unsur *al-Bayān*.

Al-Sakkākī melalui karya beliau *Miftāḥ al-ʿUlūm* menjadikan perbincangan *al-Badiʿ* sebagai salah satu daripada perbincangan ilmu *al-Maʿānī*. Disiplin ilmu yang terintegrasi daripada tiga komponen iaitu *al-Maʿānī*, *al-Bayān*, dan *al-Badiʿ* yang sebelum ini digelar dengan pelbagai nama seperti *ʿUlm al-Badiʿ*, *ʿUlūm al-Bayān*, *ʿUlūm al-Naqd*, dan *Ṣināʿatay al-Shiʿr wa al-Naṭhr* mula mendapat nama baharu yang ideal iaitu *ʿUlūm al-Balāghah* sejak digunakan oleh al-Sakkākī dan penggunaannya kekal sehingga ke hari ini (al-Marāghī 1430H/2009M: 7).

Al-Qazwīnī pula telah meringkaskan karya al-Sakkākī membentuk sebuah *matn* dinamakan sebagai *Talkhīṣ al-Miftāḥ*. Beliau kemudiannya mensyarakannya kembali dalam karyanya yang lain dan dinamakan sebagai *Al-Idāh fī ʿUlūm al-Balāghah* (Azhar Muhammad 2008: 16-17). Dua buah karya al-Qazwīnī ini dianggap sebagai kemuncak kematangan ilmu *al-Balāghah* daripada sudut penyusunan disiplin ilmu.

Kajian *al-Badiʿ* dalam kalangan ulama selepas al-Qazwīnī dan cendekiawan kontemporari pula kebanyakannya adalah berbentuk kajian untuk pendidikan di samping kajian pensejarahan. Oleh itu, tiada penemuan baharu untuk diintegrasikan dalam gagasan disiplin ilmu *al-Badiʿ* secara khusus

mahupun *al-Balāghah* secara umum. Malah, kajian mereka hanyalah merupakan syarahan dan juga ulangan kepada karya sebelumnya (Jamīl<sup>c</sup>Abd al-Majīd 1998).

Antara karya kontemporari yang membincangkan ilmu *al-Badī<sup>c</sup>* adalah kitab *Al-Ṣibg al-Badī<sup>c</sup> fi al-Lughah al-<sup>c</sup>Arabīyyah* susunan Aḥmad Ibrāhīm Mūsā. Pengarang telah menyatakan penolakannya dan penentangnya terhadap sesetengah ulama *muta'akhhirin* dan kontemporari yang menganggap *al-Badī<sup>c</sup>* hanyalah sebagai picisan dan sampingan sahaja dalam gagasan disiplin *al-Balāghah*. Beliau bersependapat dengan kebanyakan ulama *mutaqaddimin* dan cendekiawan terkemuka dalam bidang ini dengan meletakkan *al-Badī<sup>c</sup>* sebagai suatu disiplin yang tersendiri di bawah gagasan ilmu *al-Balāghah* (Aḥmad Ibrāhīm Mūsā 1388H/1969M). Pendapat ini turut mendapat sokongan Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī, antara ulama kontemporari melalui pendefinisianya terhadap *al-Badī<sup>c</sup>*: Al-Marāghī (1420H/2000M: 379) menyatakan *al-Badī<sup>c</sup>* daripada sudut istilah adalah ilmu yang menjelaskan gambaran serta ciri yang menjadikan sesuatu percakapan menjadi indah dan cantik setelah mengambil kira situasi dan kejelasan makna yang terhasil melalui dua disiplin ilmu yang terdahulu (ilmu *al-Ma<sup>c</sup>āni* dan *al-Bayān*).

Berdasarkan pernyataan di atas, *al-Badī<sup>c</sup>* ialah suatu disiplin ilmu berkait rapat dengan keindahan kata. Cetusan yang dibuat oleh al-Jāhīz melalui karyanya *al-Bayān wa al-Tabyīn* diterima dan dikembangkan oleh cendekiawan selepasnya. Fasa ini merupakan fasa cetusan dan permulaan perbincangan ilmu *al-Badī<sup>c</sup>*. Sungguhpun penggunaan unsur *al-Badī<sup>c</sup>* meluas dalam pelbagai karya ilmuan pada waktu tersebut, namun penyusunan khusus bagi disiplin ini dimulakan oleh Ibn al-Mu<sup>c</sup>taz melalui kitabnya berjudul *Al-Badī<sup>c</sup>*. Ilmu ini terus dikaji, dibahas, dan dikembangkan oleh cendekiawan yang sezaman dengan Ibn al-Mu<sup>c</sup>taz dan sesudahnya. Fasa ini merupakan perkembangan dan kegemilangan bagi ilmu *al-Badī<sup>c</sup>*. Hal ini kerana pelbagai cetusan, perdebatan, kritikan, dan penemuan baharu berlaku. Sejaran dengan ilmu *al-Balāghah*, ilmu *al-Badī<sup>c</sup>* mencapai kemuncak kematangan khususnya daripada aspek penyusunan ilmu apabila muncul dua buah karya al-Qazwīnī iaitu *Talkhīṣ al-Miftāḥ* dan *Al-Idāḥ fi Ulūm al-Balāghah*. Perbincangan *al-Badī<sup>c</sup>* selepas al-Qazwīnī mula menjadi statik. Tiada inovasi baharu khususnya daripada aspek teori ditemui. Justeru, ilmu ini mula melalui fasa kemerosotan. Perkara ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara faktor tersebut ialah kemerosotan penguasaan bahasa Arab oleh penutur asal dan bukan penutur asal. Hal ini bertambah parah apabila daya inovasi dan kritis masyarakat Arab dan sekitarnya juga turut merosot. Fasa-fasa tersebut merupakan rangkaian perjalanan sesuatu ilmu. Bermula daripada cetusan idea seterusnya berkembang sehingga membentuk suatu disiplin yang mantap. Akhirnya, ia melalui fasa kemerosotan disebabkan pelbagai faktor sampingan.

## 2.2 Pengertian dan Konsep *al-Badī<sup>c</sup>* Mengikut Pendekatan al-Qazwīnī

Berdasarkan aspek persejarahan yang dibincangkan, nyatalah disiplin ilmu *al-Badī<sup>c</sup>* mencapai kematangan dan keutuhan daripada sudut penulisan dan penyusunan melalui karya al-Qazwīnī. Pemikiran al-Qazwīnī dalam menyusun disiplin *al-Badī<sup>c</sup>* terserlah melalui kitab *Al-Idāḥ fi Ulūm al-Balāghah*. Beliau mendefinisikan *al-Badī<sup>c</sup>* daripada sudut istilah sebagai (al-Qazwīnī 1430H/2009M: 5):

هو علم يعرف به وجوه تحسين الكلام بعد رعاية المطابقة ووضوح الدلالة.

Maksudnya:

Al-Badī<sup>c</sup> adalah suatu ilmu melaluinya seseorang akan mampu mengetahui cara memperindahkan ungkapan setelah mengambil kira situasi dan kejelasan makna.

Al-Qazwīnī (1430H/2009M) membahagikan *al-Badī<sup>c</sup>* kepada dua bahagian, yang pertama berkaitan dengan makna atau semantik dan bahagian yang kedua berkaitan dengan lafaz. Bahagian *al-Badī<sup>c</sup>* yang berkaitan dengan makna juga dikenali sebagai *al-Muḥassināt al-Maʿnawīyyah*. Bahagian pertama ini pada pandangan al-Qazwīnī merangkumi 33 unsur, iaitu:

- i. al-Ṭibāq
- ii. al-Muqābalah
- iii. Murāʿāt al-Naẓīr
- iv. Tashābuh al-Aṭrāf
- v. al-Irṣād
- vi. al-Mushākalah
- vii. al-Istiṭrād
- viii. al-Muzāwajah
- ix. al-ʿAks wa al-Ṭabdīl
- x. al-Rujūʿ
- xi. al-Tawriyah
- xii. al-Istikhdām
- xiii. al-Laff wa al-Nashr
- xiv. al-Jamʿ
- xv. al-Tafrīq
- xvi. al-Taqsīm
- xvii. al-Jamʿ maʿā al-Tafrīq
- xviii. al-Jamʿ maʿā al-Taqsīm
- xix. al-Jamʿ maʿā al-al-Tafrīq wa al-Taqsīm
- xx. al-Tajrīd



- xxi. al-Mubālaghah al-Maqbūlah (unsur ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu: i. al-Tablīgh, ii. al-Ighrāq, dan iii. al-Ghuluww)
- xxii. al-Madhhab al-Kalāmī
- xxiii. Ḥusn al-Taʿīl
- xxiv. al-Tafrīʿ
- xxv. Taʿkīd al-Madhī bi mā yushbih al-Dhamm
- xxvi. Taʿkīd al-Dhamm bi mā yushbih al-Madhī
- xxvii. al-Istitbāʿ
- xxviii. al-Idmāj
- xxix. al-Tawjīh
- xxx. al-Hazal al-Ladhī Yurād Bih al-Jidd
- xxxi. Tajāhul al-ʿĀrif
- xxxii. al-Qawl bi al-Mūjib
- xxxiii. al-Itṭirād

Bahagian kedua *al-Badiʿ*, iaitu unsur yang berkaitan dengan lafaz juga dikenali sebagai *al-Muḥassināt al-Lafẓiyyah*. Bahagian ini pada pandangan al-Qazwīnī (1430H/2009M) merangkumi 6 unsur, iaitu:

- i. al-Jinās
- ii. Radd al-ʿAjz ʿalā al-Ṣadr
- iii. al-Sajʿ
- iv. al-Qalb
- v. al-Tashrīʿ
- vi. Luzūm mā lā yulzim.

Pengklasifikasian unsur-unsur *al-Badiʿ* yang dilakukan oleh al-Qazwīnī ternyata berbeza daripada cendekiawan sebelumnya. Al-Qazwīnī memfokuskan kepada dua aspek utama yang dilihat dalam setiap teks sesuatu bahasa iaitu aspek makna dan lafaz. Justeru, pengklasifikasian yang dibuat bertepatan dengan keperluan dan sudut pandang para pengkaji bahasa. Daripada aspek makna, unsur *al-Badiʿ* disenarai sebagai *al-Muḥassināt al-Manawiyah*. Manakala daripada aspek lafaz pula disenarai sebagai *al-Muḥassināt al-Lafẓiyyah*. Jumlah keseluruhan unsur *al-Badiʿ* yang disenaraikan oleh al-Qazwīnī ialah sebanyak 39 unsur. Penyenaraian unsur *al-Badiʿ* adalah berdasarkan sudut pandang setiap pengkaji yang pelbagai. Justeru, jumlahnya tidak terikat dengan 39 unsur tersebut sahaja. Bahkan penemuan baharu yang mempunyai ciri-ciri keindahan makna mahupun lafaz boleh dikategorikan sebagai unsur *al-Badiʿ*. Demikian juga penggunaan istilah atau nama bagi setiap unsur. Terdapat beberapa unsur yang

dikenali dengan lebih daripada satu nama. Tuntasnya, aspek *al-Badi<sup>c</sup>* nyata lebih fleksibel dan mudah dikesan berbanding aspek *al-Ma<sup>ʿ</sup>āni* dan *al-Bayān*.

### 3.0 IBN AL-NAḤWĪ (434-513H/1042-1119M) DAN PUISI *AL-MUNFARIJAH*

Nama penuh Ibn al-Naḥwī ialah Abū al-Faḍl Yūsuf ibn Muḥammad ibn Yūsuf al-Tawzarī. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Ibn al-Naḥwī lantaran penguasaannya dalam disiplin ilmu bahasa Arab lebih terserlah berbanding ulama lain pada masanya (al-Baṣrawī 1040H; al-Anṣārī 1434H/2013M: 33). Riwayat yang jelas mengatakan beliau dilahirkan pada tahun 434 Hijriah bersamaan tahun 1042 Masihi (Muḥammad Maḥfūz 1406H/1986M: Jil. 5: 19; al-Nifr 1996: Jil. 1: 168) dan wafat pada tahun 513 Hijriah bersamaan tahun 1119 Masihi di Qalʿat Banī Ḥammād pada usia lapan puluh tahun (al-Baṣrawī 1040H; Muḥammad Maḥfūz 1406H/1986M: Jil. 5: 19).

Ulama yang berasal daripada Tawzar, selatan Tunisia ini melakukan pengembaraan ke beberapa bandar dan negeri sekitar al-Maghrib al-ʿArabī semata-mata untuk menimba ilmu. Setelah menguasai beberapa bidang ilmu, fokus pengembaraan beliau adalah menyebarkan ilmu tersebut. Tempat yang pernah dilewati beliau adalah Ṣafāqīs, beberapa bandar di Algeria, Fes, Sijilmāsah, dan berakhir dengan Qalʿat Banī Ḥammād di Algeria. Walaupun menguasai pelbagai disiplin ilmu, namun beliau mempunyai kecenderungan yang lebih dalam ilmu *al-Kalām* dan *Uṣūl al-fiqh*. Integrasi dua disiplin ilmu tersebut disamping penguasaan bahasa Arab dan perjalanan kesufian yang dilalui berjaya membentuk beliau sebagai sasterawan beraliran Islamik.

*Al-Munfarijah* adalah puisi terbaik dan terpanjang pernah dihasilkan Ibn al-Naḥwī (Muḥammad Maḥfūz 1406H/1986M: Jil. 5: 22; al-Marākishī 2012: Jil. 5: 356). Tujuan asal penyusunan puisi ini adalah rentetan daripada peristiwa penindasan dan kezaliman oleh penguasa terhadap penduduk tempatan. Oleh kerana Ibn al-Naḥwī dikenali sebagai seorang ulama dan diakui ketaatannya dalam beragama, mereka tidak putus-putus meminta supaya beliau berdoa dan berusaha mengatasi masalah yang dihadapi. Ibn al-Naḥwī pada masa itu berada di luar kota bermunajat dan menyusun puisi ini sebagai wahana untuk memohon pertolongan daripada Allah s.w.t. mereka yang ditindas juga diseru untuk menguatkan keimanan melalui amal soleh dan melantunkan puisi ini sebagai wasilah doa. Ternyata doa mereka dimakbulkan Allah s.w.t. dan keamanan dikecapi kembali (al-Tanbaktī 2000: 624). Berdasarkan pengalaman ulama selepasnya, puisi ini ternyata mempunyai keistimewaannya tersendiri sesuai dengan namanya yang bermaksud ‘yang meringankan kesusahan’ (al-Baṣrawī 1040H; al-Subkī 1383H/1964M). Puisi ini mempunyai pengaruh besar dalam ilmu tasawuf dan kerohanian sesudah Ibn al-Naḥwī. Para ulama sesudah beliau cuba mengembangkan pemikiran yang dibawa sama ada dalam bentuk ulasan, *takhmīs*, dan sebagainya.

Kajian ini memanfaatkan karya ulasan al-Anṣārī (1434H/2013M) sebagai rujukan utama teks. Hal ini kerana ulasan al-Anṣārī menyentuh beberapa bidang ilmu iaitu bahasa Arab, feqah, dan tasawuf. Selain itu, ulasan al-Anṣārī lebih banyak dikaji oleh pengkaji manuskrip (Diyāb 1420H/1999M). Berdasarkan catatan al-Anṣārī, puisi ini mengandungi empat puluh dua bait. Bait pertama puisi ini adalah:

إِشْتَدِّي أَرْمَةً تَنْفَرَجِي \*\*\* قَدْ آدَنَ لَيْلُكَ بِالْبَلَجِ

Manakala dua bait terakhir puisi ini pula adalah:

وَصَحَابَتِهِ وَقَرَابَتِهِ \*\*\* وَفُفَاةِ الْأَثَرِ عَلَى نَهْجِ  
وَإِذَا بَكَ ضَاقَ الذَّرْعُ فُفُلًا \*\*\* اِشْتَدَّيْ أَزْمَةٌ تَنْفَرِجِي

Puisi ini mengaplikasikan *Baḥr al-Khabab* dan *qāfiyah*nya menggunakan huruf *jīm* sebagai *rawī* (al-Anṣārī 1434 H/2013 M: 34).

## 4.0 UNSUR *AL-BADĪʿ* DALAM PUISI *AL-MUNFARIJAH*

### 4.1 Al-Muḥassināt al-Maʿnawiyah

Antara al-Muḥassināt al-Maʿnawiyah yang kerap digunakan dan mendominasi puisi al-Munfarijah ialah al-Ṭibāq, al-Muqābalah, dan al-Jamʿ maʿa al-Tafrīq (al-Anṣārī 1434H/2013M).

#### 4.1.1 Al-Ṭibāq

*Al-Ṭibāq* dikenali juga sebagai *al-Taḍad* (berlawanan). *Al-Ṭibāq* adalah ungkapan yang menghimpunkan dua perkataan yang berlawanan, iaitu dua makna yang berlawanan dalam satu ayat (al-Qazwīnī 1430H/2009M: 5). Unsur ini ternyata mendominasi *al-Muḥassināt al-Maʿnawiyah* lain dalam bait puisi *al-Munfarijah*.

Antara penggunaan *al-Ṭibāq* dalam puisi *al-Munfarijah* adalah:

- a) Bait pertama puisi ini (al-Anṣārī 1434H/2013M: 35):

إِشْتَدَّيْ أَزْمَةٌ تَنْفَرِجِي \*\*\* قَدْ آذَنَ لَيْلُكَ بِالْبَلَجِ

*Bertambahlah wahai keperitan penderitaan nescaya kamu akan segera pergi. Sesungguhnya malam yang semakin kelam menandakan fajar semakin hampir.*

Pada bait ini, *al-Ṭibāq* berlaku pada dua tempat iaitu pada *shaṭr* (keratan bait syair) yang pertama dan kedua. Pada *shaṭr* pertama pertembungan makna berlaku antara perkataan *إِشْتَدَّيْ* dan *تَنْفَرِجِي*. Kata kerja *isbtaddi* (*bertambah kuat dan lebih serius sesuatu permasalahan*) merujuk kepada *maṣdamya* (kata terbitannya), *الإشتداد* (*penguatan atau pengukuhan*). Manakala kata kerja *tanfariji* (*menjadi terungkai, senang, dan mudah sesuatu permasalahan*) merujuk kepada kata terbitannya, *الإنفراج* (*permohonan kenyamanan, kesenangan, dan kelapangan*).

Pada *shaṭr* yang kedua pula pertembungan makna berlaku antara perkataan *ليل* dan *البلج*. kata nama *layl* bermaksud *malam*. Kata nama *al-Balaj* sama makna dengan *الإشراق* yang bermaksud *penerbitan* atau *kemunculan*. Kemunculan yang dimaksudkan adalah kemunculan mentari yang menandakan hari telah siang. Maka makna *al-Balaj* yang dikehendaki oleh konteks ayat adalah *النهار* (*siang*).

- b) Bait yang ketujuh (al-Anṣārī 1434H/2013M: 44):

وَالْحَلْقُ جَمِيعًا فِي يَدِهِ \*\*\* فَذُو سَعَةٍ وَذُو حَرْجٍ

Dan semua makhluk berada di dalam kekuasaanNya (Allah s.w.t.). Maka sebahagian daripada mereka mendapat kesenangan (nikmat) dan sebahagian lagi mendapat kesusahan (ujian).

Pada bait ini *al-Tibāq* berlaku pada *shaṭr* yang kedua apabila perkataan *سعة* dan *حرج* berada dalam satu ungkapan yang sama. Penggunaan perkataan *السعة* berdasarkan konteks ayat ini membawa maksud *kelapangan kesenangan* dan *kenyamanan*, manakala perkataan *الحرج* membawa maksud *kesempitan*.

- c) Penggunaan terakhir unsur ini dalam puisi *al-Munfarījah* adalah pada bait yang kedua puluh tujuh (al-Anṣārī 1434H/2013M: 70):

مُدِخَ الْعَقْلِ الْآتِيهِ هُدًى \*\*\* وَهَوًى مُتَوَلِّ عَنْهُ هُجًى

Akal dipuji lantaran ia mendatangkan petunjuk kepadanya (manusia). Sedangkan hawa nafsu dikeji lantaran ia memalingkan (manusia) daripadanya (petunjuk).

*Al-Tibāq* pada bait ini berlaku antara perkataan *هُدًى* dan *هَوًى*. Perkataan *الهدى* dalam konteks bait ini membawa maksud *petunjuk kepada jalan kebaikan dan ketaatan* (دلالة على الطريق). Sebaliknya, perkataan *الهوى* bermaksud *kecenderungan diri untuk mengikut hawa nafsu dan syahwat tanpa mengira halal dan haram*.

#### 4.1.2 *Al-Muqābalah*

Al-Qazwīnī (1430H/2009M: 13) menyatakan *al-Muqābalah* adalah sebahagian daripada *al-Tibāq*, namun ia lebih khusus daripada *al-Tibāq*. *Al-Muqābalah* berlaku apabila dua makna yang konsisten atau lebih didatangkan selepasnya dengan dua makna yang berlawanan atau lebih mengikut susunannya secara sejajar. Unsur ini kadangkala terbentuk daripada *al-Tibāq* (makna berlawanan yang jelas (eksplisit)) dan juga *mulḥaq al-Tibāq* (makna berlawanan yang tidak jelas (implisit)).

Contoh penggunaan *al-Muqābalah* dalam puisi *al-Munfarījah* adalah seperti berikut:

- a) Bait yang kedua puluh tujuh (al-Anṣārī 1434H/2013M: 70):

مُدِخَ الْعَقْلِ الْآتِيهِ هُدًى \*\*\* وَهَوًى مُتَوَلِّ عَنْهُ هُجًى

Akal dipuji lantaran ia mendatangkan petunjuk kepadanya (manusia). Sedangkan hawa nafsu dikeji lantaran ia memalingkan (manusia) daripadanya (petunjuk).

Pertembungan makna yang pertama dalam bait ini melibatkan dua kata kerja pasif *مُدِخَ* dan *هُجًى*. Dua kata kerja ini bermaksud *dipuji* dan *dikeji* ternyata menggambarkan makna yang antonim.

Pertembungan makna yang kedua pula adalah antara dua kata terbitan *هُدًى* dan *هَوًى*. perkataan *هُدًى* bermaksud *petunjuk kepada jalan kebaikan*, manakala perkataan *هَوًى* pula bermaksud *kecenderungan diri untuk mengikut hawa nafsu sama ada perbuatan yang dibenarkan oleh syarak atau ditegah*.

- b) Bait yang kedua puluh sembilan (al-Anṣārī 1434H/2013M: 74):

وَخِيَارُ الْخَلْقِ هَدَاتُهُمْ \*\*\* وَسِوَاهُمْ مِنْ هَمَجِ الْهَمَجِ

Dan manusia terbaik (*ulama rabbāni*) ialah golongan yang memandu dan menuntun mereka (manusia lain). Manakala selain daripada mereka (*ulama sū'*) merupakan golongan yang merosakkan (manusia lain).

*Al-Muqabalah* pada bait ini berlaku apabila dua pertembungan makna dibawa secara tersusun. Pertembungan makna yang pertama berlaku antara frasa خيار الخلق dan frasa سواهم. Frasa خيار الخلق bermaksud *manusia terpilih* atau *terbaik*. Berdasarkan konteks bait, frasa ini merujuk kepada ulama yang sejati (*ulama rabbāni*). Frasa سواهم pula bermaksud *selain daripada manusia terpilih*.

Pertembungan kedua pula berlaku antara frasa هدايتهم dan همجهم. Frasa هدايتهم bermaksud *petunjuk dan pembimbing mereka (manusia)*. Frasa همجهم merupakan *idāfah* (konstruktif genitif atau penambahan). Perkataan pertama dan kedua adalah sama menggambarkan nilai *mubālaghah* yang dikehendaki penyusun. همجهم adalah kata jamak bagi همجة bermaksud *biri-biri yang kurus kering* atau *lalat kecil yang selalu hinggap di kepala kambing dan keldai*. Frasa ini merupakan perumpamaan bagi *perosak dan mereka yang tidak mampu menjadi pembimbing kepada manusia*. Para ulama yang tidak beramal dengan ilmu mereka bahkan menyesat dan merosakkan manusia adalah suatu petanda bahawa mereka telah mendapat kecelehan daripada ilmu mereka sendiri. Segala ilmu yang mereka pelajari tiada nilai lagi di sisi Allah s.w.t.

c) Bait yang ketiga puluh lima (al-Anṣārī 1434H/2013M: 83):

وَالرَّفْقُ يَدُومُ لِصَاحِبِهِ \*\*\* وَالخَرْقُ يَصِيرُ إِلَى الْهَرَجِ

Dan kesederhanaan (*kelembutan dalam sesuatu perkara*) tetap kekal bersama pemiliknya. Manakala pelampauan (*perbuatan yang keterlaluan dan melampaui batas*) berakhir dengan kerosakan dan kekacauan.

*Al-Muqabalah* pada bait ini berlaku apabila dua pertembungan makna dibawa secara tersusun. Pertembungan pertama berlaku antara perkataan الرفق yang bermaksud *kelembutan hati* dan perkataan الخرق yang bermaksud *pengoyakan* atau berdasarkan konteks ayat bermaksud *kegusaran hati*.

Pertembungan kedua pula adalah antara frasa يدوم لصاحبه yang bermaksud *tetap kekal bersama pemiliknya* dan frasa يصير إلى الهرج yang bermaksud *berakhir dengan kekecobaan dan kekacauan*.

### 4.1.3 Al-Jam' ma'ā al-Tafrīq

Keindahan unsur ini adalah manifestasi daripada gabungan proses *al-Jam'* (pengumpulan) dan *al-Tafrīq* (pemisahan). Al-Qazwīnī (1430H/2009M: 34) mendefinisikan unsur ini sebagai:

أَنْ يُدْخَلَ سَيِّئَانِ فِي مَعْنَى وَاحِدٍ، وَيُفَرَّقَ بَيْنَ جِهَتَيْ الْإِدْخَالِ.

Unsur ini berlaku apabila dua perkataan atau lebih digunakan dan dihipunkan bagi membawa makna yang sama (pada hukum yang sama) namun berbeza daripada sudut proses penghimpunan.

*Al-Jam' ma'ā al-Tafrīq* ini agak sulit untuk difahami menerusi definisinya sahaja. Gambaran yang jelas mengenai unsur ini dapat difahami melalui pengaplikasiannya dalam ayat. Contoh penggunaan unsur ini adalah sebagaimana yang terdapat dalam bait Rashīd al-Dīn al-Waṭwāṭ (w 573H):

فَوَجْهُكَ كَالنَّارِ فِي ضَوْئِهَا \*\*\* وَقَلْبِي كَالنَّارِ فِي حُرِّهَا

Penyair mengumpamakan hatinya serta wajah kekasihnya umpama api. Kemudian, dua perumpamaan tersebut dibezakan melalui *wajh al-Shabbh* (makna yang disepakati) yang berlainan. Wajah kekasihnya diumpama seperti api lantaran kegemerlapannya, manakala hati penyair diumpamakan seperti api lantaran kebebasan yang dirasainya (al-Qazwīnī 1430H/2009M: 35).

Contoh penggunaan *al-Jam' ma'a al-Tafrīq* dalam puisi *al-Munfarījah* adalah:

- a) Bait yang ketujuh (al-Anṣārī 1434H/2013M: 44):

وَالْحَلْقُ جَمِيعًا فِي يَدِهِ \*\*\* فَذُوُّ سَعَةٍ وَذُوُّ حَرْجٍ

*Dan semua makhluk berada di dalam kekuasaanNya (Allah s.w.t.). Maka sebahagian daripada mereka mendapat kesenangan (nikmat) dan sebahagian lagi mendapat kesusahan (ujian).*

Pada bait ini dikumpulkan semua makhluk berada di bawah penguasaan mutlak Allah s.w.t. Namun, keadaan mereka berbeza mengikut tahap tertentu berdasarkan keimanan, ketakwaan, dan amalan masing-masing. Secara mudahnya sekalian makhluk dikategorikan kepada dua kumpulan sama ada yang mendapat kesenangan dan yang mendapat kesusahan.

## 4.2 Al-Muḥassināt al-Lafziyyah

Antara al-Muḥassināt al-Lafziyyah yang kerap digunakan dan mendominasi puisi al-Munfarījah ialah al-Jinās al-Tām, al-Jinās al-Muḥarrāf, dan Radd al-ʿAjz ʿalā al-Ṣadr (al-Anṣārī 1434H/2013M).

### 4.2.1 Al-Jinās al-Tām

*Al-Muḥassināt al-Lafziyyah* yang mendominasi perbincangan ilmu *al-Badīʿ* adalah *al-Jinās* (al-Qazwīnī 1430H/2009M). *Al-Jinās* berlaku antara dua lafaz atau yang menyerupai dua lafaz. *Al-Jinās al-Tām* berlaku apabila terdapat persamaan antara dua lafaz daripada empat aspek; i. Jenis huruf, ii. Bilangan huruf, iii. Keadaan huruf (iaitu daripada sudut *al-Ḥarakāt* (baris *dammah*, *fathah*, dan *kasrah*) dan juga *al-Sakanāt* (iaitu tanpa baris atau *sukūn*)), dan iv. Tertib huruf (al-Qazwīnī 1430H/2009M: 75).

Penggunaan *al-Jinās al-Tām* dalam puisi *al-Munfarījah* dapat dilihat melalui beberapa contoh berikut:

- a) Bait yang kedua (al-Anṣārī 1434H/2013M: 37):

وظَلَامُ اللَّيْلِ لَهُ سُرُجٌ \*\*\* حَتَّى يَغْشَاهُ أَبُو السُّرُجِ

*Dan kegelapan malam dibiasi cahaya bintang. Keadaan ini berterusan sehingga munculnya Abū al-Suruj (matahari) yang mengbilangkannya (cahaya bintang).*

*Al-Jinās al-Tām* berlaku pada lafaz perkataan *سُرُجٌ* yang berada pada *shatr* pertama dan juga *السُّرُجِ* yang berada pada akhir *shatr* yang kedua. Ternyata kedua-dua lafaz tersebut sama daripada empat aspek yang disyaratkan bagi *al-Jinās al-Tām*. Oleh kerana kedua perkataan tersebut adalah kata nama, maka *al-Jinās* di sini dinamakan sebagai *al-Jinās al-Tām al-Mumāthil* (al-Qazwīnī 1430H/2009M: 75).

- b) Bait yang kedua puluh enam (al-Anṣārī 1434H/2013M: 69):

وَأَشْرَبَ تَسْنِيمٌ مُفَجَّرَهَا \*\*\* لَا مُتْرَجًا وَمُتْرَجٍ

Dan minumlah daripada pancutan air yang melimpah ruah (terimalah cahaya makrifat) sama ada air yang bercampur mahupun air tulen (yang tidak bercampur dengan sebarang bendasing)(dua jenis minuman penghuni syurga).

*Al-Jinās al-Tām* pada bait ini berlaku pada frasa لا ممتزجاً dan juga وممتزج. Perkataan yang diambil kira adalah ممتزج yang ternyata sama pada keempat-empat syarat *al-Jinās al-Tām*. *Al-Jinās* pada bait ini juga dinamakan sebagai *al-Jinās al-Tām al-Mumāthil* kerana kedua-dua lafaz yang digunakan adalah kata nama.

c) Bait yang kedua puluh sembilan (al-Anṣārī 1434H/2013M: 74):

وَخِيَارُ الْخَلْقِ هُدَاةُهُمْ \*\*\* وَسِوَاهُمْ مِنْ هَمَجِ الْهَمَجِ

Dan manusia terbaik (ulama rabbānī) ialah golongan yang memandu dan menuntun mereka (manusia lain). Manakala selain daripada mereka (ulama sū') merupakan golongan yang merosakkan (manusia lain).

Lafaz perkataan yang diambil kira dan memenuhi syarat sebagai *al-Jinās al-Tām* dalam bait ini adalah هَمَج dan هَمَج. Sebagaimana dua contoh di atas, nama penuh bagi *al-Jinās* pada bait ini adalah *al-Jinās al-Tām al-Mumāthil*.

#### 4.2.2 *Al-Jinās al-Muḥarraf*

Al-Qazwīnī (1430H/2009M) membahagikan perbincangan *al-Jinās* kepada dua bahagian utama. Selain daripada *al-Jinās al-Tām* semua unsur *al-Jinās* termasuk dalam kategori *al-Jinās Ghayr al-Tām*. Antara unsur yang terkandung di bawah *al-Jinās Ghayr al-Tām* adalah *al-Jinās al-Muḥarraf*. *Al-Jinās al-Muḥarraf* berlaku apabila satu daripada empat syarat *al-Jinās al-Tām* tidak dipenuhi. Syarat yang tidak terpenuhi tersebut adalah keadaan huruf yang merangkumi *al-Ḥarakāt* dan *al-Sakanāt* (al-Qazwīnī 1430H/2009M: 78).

Penggunaan *al-Jinās al-Muḥarraf* dalam puisi *al-Munfarījah* dapat dilihat melalui beberapa contoh berikut:

a) Bait yang kelima (al-Anṣārī 1434H/2013M: 42):

وَلَهَا أَرْجٌ مُخَيِّي أَبَدًا \*\*\* فَاقْصِدْ مَحْيَا ذَاكَ الْأَرْجِ

Dan padanya (faedah-faedah yang dikurniakan oleh Allah s.w.t.) terdapat haruman yang sentiasa menghidupkan (jina manusia). Justeru, rebutlah penghidupan yang terdapat pada faedah tersebut.

*Al-Jinās al-Muḥarraf* pada bait ini berlaku antara perkataan مُخَيِّي dan juga perkataan مَحْيَا. Perbezaan yang terjadi adalah antara baris *ḍhammah* dan *fathah* pada huruf *mim*, serta baris *kasrah* dan *fathah* pada huruf *yā'*.

b) Bait yang kesepuluh (al-Anṣārī 1434H/2013M: 48):

حِكْمٌ نُسِجَتْ بِيَدِ حَكَمَتٍ \*\*\* ثُمَّ انْتَسَجَتْ بِالْمُنْتَسِجِ

Segala hikmah ketentuan Allah s.w.t. ditunen dengan kekuasaannya. Kemudian ia tertapis melalui tapisannya.

*Al-Jinās al-Muḥarraf* pada bait ini berlaku antara perkataan حَكْمٌ dan juga perkataan حَكْمَتْ. Perbezaan antara dua perkataan adalah melibatkan baris *kasrah* dan *fathah* pada huruf ḥā', serta baris *ḍammah* dan *fathah* pada huruf mīm.

c) Bait yang kedua belas (al-Anṣārī 1434H/2013M: 52):

شَهِدَتْ بِعَجَائِبِهَا حُجَّجٌ \*\*\* قَامَتْ بِالْأَمْرِ عَلَى الْحِجَجِ

*Segala bukti telah menyaksikan keajaibannya (hikmah kurniaan Allah s.w.t.). Ia telah berterusan bertahun lamanya.*

*Al-Jinās al-Muḥarraf* pada bait ini berlaku antara perkataan حُجَّجٌ dan juga perkataan الْحِجَجِ. Perbezaan yang terjadi adalah antara baris *ḍhammah* dan *kasrah* pada huruf ḥā' dan *jim* yang kedua.

#### 4.2.3 Radd al-ʿAjz ʿalā al-Ṣadr

Istilah *al-Ṣadr* pada pandangan ulama *al-Badīʿ* merujuk kepada perkataan pertama yang terdapat pada setiap *shaṭr* bait syair, manakala *al-ʿAjz* pula adalah perkataan terakhir bagi setiap *shaṭr*. Perkataan serta frasa yang terdapat antara keduanya disebut sebagai *al-Ḥashw*. *Radd al-ʿAjz ʿalā al-Ṣadr* berlaku pada bait syair apabila dua perkataan yang sama disebut secara berulang. Perkataan pertama berada pada akhir bait atau *ʿajz shaṭr* kedua, manakala perkataan yang diulang boleh sahaja berada pada *ṣadr shaṭr* pertama, *ḥashw shaṭr* pertama, akhir *shaṭr* pertama, ataupun *ṣadr shaṭr* kedua (al-Qazwīnī 1430H/2009M: 87). Secara ringkasnya unsur ini bermaksud perkataan akhir dalam sesuatu bait syair telah digunakan pada mana-mana perkataan sebelumnya kecuali pada *ḥashw shaṭr* kedua sahaja.

Unsur ini adalah antara unsur yang mendominasi penggunaan *al-Badīʿ* dalam puisi *al-Munfarījah*. Antara contoh penggunaan *radd al-ʿAjz ʿalā al-Ṣadr* dalam puisi *al-Munfarījah* adalah seperti berikut:

a) Bait yang kesepuluh (al-Anṣārī 1434H/2013M: 48):

حِكْمٌ نُسِجَتْ بِيَدِ حَكَمَتْ \*\*\* ثُمَّ انْتَسَجَتْ بِالْمُنْتَسِجِ

*Segala hikmah ketentuan Allah s.w.t. ditentun dengan kekuasaannya. Kemudian ia tertapis melalui tapisannya.*

Kata nama pelaku الْمُنْتَسِجِ yang digunakan pada akhir bait telah digunakan sebagai kata kerja pada *ḥashw shaṭr* pertama, iaitu perkataan نُسِجَتْ.

b) Bait yang kedua belas (al-Anṣārī 1434H/2013M: 52):

شَهِدَتْ بِعَجَائِبِهَا حُجَّجٌ \*\*\* قَامَتْ بِالْأَمْرِ عَلَى الْحِجَجِ

*Segala bukti telah menyaksikan keajaibannya (hikmah kurniaan Allah s.w.t.). Ia telah berterusan bertahun lamanya.*

Perkataan الْحِجَجِ pada akhir bait merupakan pengulangan penggunaan perkataan حُجَّجٌ yang terdapat pada akhir *shaṭr* pertama.

c) Bait yang kesembilan belas (al-Anṣārī 1434H/2013M: 62):



وَمَعَاصِي اللَّهِ سَمَّاجَتْهَا \*\*\* تَزْدَانُ لِذِي الْخُلُقِ السَّمِجِ

Dan kemaksiatan kepada Allah s.w.t. keburukannya tampak baik pada pandangan mereka yang berakhlak buruk.

Perkataan السَّمِجِ yang terdapat pada akhir bait telah digunakan pada akhir *shatr* pertama dalam bentuk kata terbitan سَمَّاجَتْهَا.

## 5.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian jelas menggambarkan keindahan penggunaan al-Muḥassināt al-Maḥawiyah dan al-Muḥassināt al-Lafziyyah. Tiga unsur al-Muḥassināt al-Maḥawiyah iaitu al-Ṭibāq, al-Muqābalah, dan al-Jam' ma'ā al-Tafrīq menggambarkan keindahan puisi daripada beberapa aspek semantik. Perkara ini menggambarkan kepintaran dan ketelitian Ibn al-Naḥwī dalam penggunaan perkataan khususnya melibatkan antonim dan huraian makna umum dan khusus. Tiga unsur al-Muḥassināt al-Lafziyyah iaitu al-Jinās al-Tām, al-Jinās al-Muḥarraf, dan Radd al-ʿAjz alā al-Ṣadr pula menggambarkan keindahan puisi daripada aspek fonetik dan estetika. Pengaplikasian unsur tersebut menggambarkan ketelitian dan kesenian Ibn al-Naḥwī dalam memilih dan menyusun perkataan yang digunakan bersesuaian dengan makna yang dikehendaki. Keunikan melibatkan beberapa aspek semantik, fonetik, serta estetika telah memberikan nilai tambah kepada puisi al-Munfarījah. Walaupun kajian hanya melibatkan enam unsur al-Badī' sahaja, namun ianya sudah memadai untuk mewakili keseluruhan wajah puisi secara holistik. Di samping itu, penggunaan perkataan yang pelbagai dan hampir sama, perkataan sinonim, dan perkataan antonim jelas menggambarkan kekayaan al-Tharwah al-Lughawiyah atau perbendaharaan kata yang dimiliki Ibn al-Naḥwī.

Sebagaimana yang dinyatakan, puisi ini melampaui aspek bahasa dan keindahan. Selain keistimewaan daripada sudut bahasa, *al-Munfarījah* membawa tema dan nilai tasawuf yang kuat. Nilai yang diterapkan dalam bait-bait puisi terbukti mempunyai kesan yang signifikan dalam kalangan ulama dan ahli tasawuf yang sezaman dengan Ibn al-Naḥwī dan selepas beliau. Justeru, *al-Munfarījah* mempunyai pengaruh besar dalam amalan ilmu tasawuf dan kerohanian sesudah Ibn al-Naḥwī khususnya dalam kalangan masyarakat di al-Maghrib al-ʿArabī dan Timur Tengah. Berdasarkan dapatan tersebut tidak hairanlah jika puisi ini mendapat penerimaan dan perhatian ulama terkemudian. Keindahan, kepuitisan, dan kehebatan pemikiran yang tercatat pada teks puisi melambangkan keperibadian penyusunnya.

## Rujukan

Al-ʿAbdarī, Abū ʿAbdullah Muḥammad. t.th. *Riḥlat al-ʿAbdarī*. Muḥammad al-Fāsī (Pnyt.). t.tp.: t.pt.

Al-ʿAbdīnī, Abū ʿAbd al-ʿAzīz Turkī. Apr 2008. *Al-Qaṣidah al-Munfarījah li Ibn al-Naḥwī*. *Shabakat al-ʿUlūm al-Salafiyah*. <http://www.aloom.net/vb/showthread.php?t=1855> [15 April 2016].

Aḥmad Ibrāhīm Mūsā. 1388H/1969M. *Al-Ṣiḡ al-Badī' fī al-Lughah al-ʿArabiyah*. Al-Qāhirah: Dār al-Makātib al-ʿArabī li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr.

- ʿĀʾishah Ḥussayn Farīd. 2000. *Washā al-Rabīʿ bi Alwān al-Badīʿ fi Ḍawʿ al-Asālib al-ʿArabīyyah*. Al-Qāhirah: Dār al-Qabāʾ li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
- Al-Anṣārī, Abu Yaḥyā Zakariyyā. 1434H/2013M. *Al-Adwāʾ al-Bahjah fi Ibrāz Daqāʾiq al-Munfarījah (Sharḥ al-Qaṣīdah al-Munfarījah)*. *Silsilat Turath al-Azhariyyin*. al-ʿĀshir min Ramaḍān: Kashīdah li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
- Azhar Muhammad. 2008. *Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Basmeih, Abdullah. 2002. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengetian al-Qurʿan* (TPR). Ed. ke-13. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Al-Baṣrawī, ʿAlī ibn Yūsuf ibn ʿAlī ibn Aḥmad. 1040H. *Makhtūṭat Sharḥ al-Qaṣīdah al-Munfarījah (Sharḥ al-Sarīrah al-Munṣaʿijah bi Sharḥ al-Qaṣīdah al-Munfarījah)*. Al-Qāhirah: al-Maktabah al-Azhariyyah (Khāṣ (1244) ʿĀm (53633)).
- Ḍiyāb, ʿAbd al-Majīd. 1420H/1999M. *Al-Munfarījatān; al-Munfarījah al-ʿUla Shīʿr Yūsuf bin Muḥammad al-Tawzārī Sharḥ Shaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī; al-Munfarījah al-Thānīyah Shīʿr Ḥujjat al-Islām Abī Ḥamid al-Ghaẓālī*. al-Qāhirah: Dār al-Faḍīlah li al-Nashr wa al-Tawzīʿ wa al-Taṣdīr.
- Al-Fīrūz Ābādī, Majd al-Dīn. 1426H/2000M. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Ed. ke-8. Bayrūt: Muʾassasat al-Risālah.
- Al-Ghabrīnī, Abu al-ʿAbbās Aḥmad. t.th. *ʿUwān al-Dirāyah*. Rābiḥ Būnār (Pnyt.). t.tp: t.pt.
- Ḥājī Khalīfa, Muṣṭafā ibn ʿAbdullah. t.th. *Kashf al-Zunūn ʿan Asāmā al-Kutub wa al-Funūn*. Beirut: Dār Iḥyāʾ al-Turath al-ʿArabī.
- Hassan Zikrī, Hassan & Muhammad Abd al-Jawwād, Fāḍil. 1432H/2011M. *Dirāsāt fi al-Adab al-ʿArabī al-ʿAbbāsī wa al-Mamlūkī*. Al-Qāhirah: Maktabah Kulliyah Al-Azhar.
- Ibn al-Manẓūr, Muḥammad ibn Mukarram. 1401H/1981M. *Lisān al-ʿArab*. Al-Qāhirah: Dār al-Maʿārif.
- Ibn al-Muʿtaz, Abū al-ʿAbbās ʿAbdullāh. 1935. *Kitāb al-Badīʿ*. Ignatius Kratchkovsky (pnyt.). London: Messrs Luzac And Co.
- Ibn al-Muʿtaz, Abū al-ʿAbbās ʿAbdullah. 1433H/2012M. *Al-Badīʿ fi al-Badīʿ ʿIrfān Maṭrajī* (pnyt.). Bayrūt: Muʾassasat al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- Ibrahim Salamah. 1371H/1952M. *Balāghat Aristū bayn al-ʿArab wa al-Yūnān: Dirāsāt Taḥlīliyyah-Naqdiyyah-Tuqārīniyyah*. Ed. ke-2. Al-Qāhirah: Maktabat al-Anjilo al-Misriyyah.
- Ishak Mohd. Rejab et al. 1996. *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Jāḥiẓ, Abū ʿUthmān ʿAmr ibn Baḥr. 1418H/1998M. *Al-Bayān wa al-Tabayīn*. ʿAbd al-Salām Muḥammad Hārūn (pnyt.). Ed. ke-7. Al-Qāhirah: Maktabat al-Khānjī.
- Jamīl ʿAbd al-Majīd. 1998. *Al-Badīʿ bayn al-Balāghah al-ʿArabīyyah wa al-Lisāniyyāt al-Naṣṣiyyah*. Al-Qāhirah: al-Hayʾah al-Misriyyah al-ʿĀmmah li al-Kitāb.
- Al-Jawharī, Ismāʿīl ibn Ḥammād. 1990. *Al-Ṣaḥḥah (Tāj al-Lughah wa Ṣaḥḥah al-ʿArabīyyah)*. Aḥmad ʿAbd al-Ghafūr ʿAṭṭār (pnyt.). Ed. ke- 4. Bayrūt: Dār al-ʿIlm li al-Malāyīn.

- Al-Jurjānī, °Abd al-Qāhir. 1404H/1984M. *Dalā'il al-I'jāz*. Maḥmūd Muḥammad Syākir (pnyt.). Al-Qāhirah: Maktabat al-Khānjī.
- Al-Jurjānī, °Abd al-Qāhir. 1412H/1991M. *Asrār al-Balāghab*. Maḥmūd Muḥammad Syākir (pnyt.). Jaddah: Dār al-Madanī.
- Laṣḥab, °Abd Qādir. t.th. *Athar Qaṣīdat al-Munfarīyah li Ibn al-Naḥwī fī al-Ḥarakīyyah al-Thaqāfīyyah al-°Arabīyyah*. Al-Jazā'ir: al-Markaz al-Jāmi'ī Mughniyah.
- Md Nor, Abdullah. 2014. Analisis Bandingan Pemikiran Kritikan Sastera al-Qāḍī al-Jurjānī dalam al-Wasāṭah dan °Abd al-Qāhir al-Jurjānī dalam Dalā'il al-I'jāz. Tesis Dr. Fal, JPATI, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Marāghī, Aḥmad Muṣṭafā. 1420H/2000M. *°Ulūm al-Balāghab al-Bayān wa al-Ma'ānī wa al-Badī'°*. Al-Qāhirah: Dār al-°Āfāq al-°Arabīyyah.
- Al-Marāghī, Aḥmad Muṣṭafā. 1430H/2009M. *Tārīkh °Ulūm al-Balāghab wa al-Ta'rif bi Rijālībā*. Al-Qāhirah: Dār al-Baṣā'ir.
- Al-Marākishī, Abī °Abdillāh Muḥammad ibn Muḥammad ibn °Abd al-Malik al-Anṣārī al-Awsī. 2012. *Al-Dhbayl wa al-Takmilah li Kitābay al-Manṣūl wa al-°Silab*. Iḥsān °Abbās, Muḥammad ibn Sharīfah & Bashshār °Awwād Ma'ūf (pnyt.). Tūnis: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Muḥammad Maḥfūz. 1406H/1986M. *Tarājim al-Mu'allifin al-Tūnisīyyin*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Muhammad Muḥyī al-Dīn, ibn °Abd al-Ḥamīd. 1356H/1938M. *Taḥdhib al-Sa'ad*. Al-Qāhirah: Maṭba'at Ḥijāzī.
- Al-Nīfir, Muḥammad. 1996. *°Umnwān al-Arib °Ammā Nasba'a bi al-Mamlakah al-Tūnisīyyah min °Ālim Adīb*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Qazwīnī, Muḥammad ibn °Abd al-Raḥmān al-Khāṭīb. 1430H/2009M. *Al-°Idāḥ li Talkhīṣ al-Miftāḥ fī °Ulūm al-Balāghab - al-Juz' al-Rabi'° (°ilm al-Badī'°)*. Farīd Muḥammad Badawī al-Naklāwī, Nazīh °Abd al-Ḥamīd al-Sayyid Farāj & Ibrāhīm Ṣalāḥ al-Hudhud (pnyt.). Al-Qāhirah: Jāmi'ah al-Azhar.
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn Abū al-Naṣr °Abd al-Waḥhāb ibn °Alī ibn °Abd al-Kāfī. 1383H/1964M. *Ṭabaqāt al-Shāfi'īyyah al-Kubrā*. Maḥmūd al-Ṭanāḥī & °Abd al-Fattāḥ al-Ḥilw (pnyt.). Al-Qāhirah: °Īsā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Al-Tamsmānī, Muhammad ibn Muhammad al-Mahdī. t.th. *Silsilat Aḡyān min Shuyūkh al-Shādhulīyyah bi al-Maghrib; al-°Imām Sayyidī Muḥammad ibn Ahmad al-Būzaydī (w 1229H); Tarjamatuh wa Ba'ḍ Athāruh*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Tanbaktī, Aḥmad Bābā. 2000. *Nayl al-Ibtihāj bi Taṭrīḡ al-Dibāj*. °Abd al-Ḥamīd °Abdullāh al-Harrāmah (pnyt.). Ed. ke-2. Ṭarablus: Dār al-Kātib.
- Al-Zabīdī, Muḥammad ibn Muḥammad ibn °Abd al-Razzāq al-Murtaḍā. 1385H/1965M. *Tāj al-°Arūs min Jawābir al-Qāmūs*. °Abd al-Sattār Aḥmad Farāj (pnyt.). Ed. ke-2. Kuwayt: Wizārat al-Irshād wa al-Anbā'.